



## “HIKMAH DISEBALIK KORBAN”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَكُمْ فِيهَا مَنَفَعٌ إِلَىٰ أَجْلِ مُسَمَّىٰ ثُمَّ مَحَلَّهَا إِلَىٰ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿١٣﴾</p> <p>1</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita mempertingkatkan iman kita dengan mematuhi dan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan sepenuh pengabdian dan keikhlasan, semoga kita digolongkan sebagai hamba-Nya yang bertakwa dan tidak mengakhiri ajal kita melainkan sebagai seorang Islam.</p>	7
<p>Kali ini khatib mengajak hadirin Jumaat sekalian untuk menumpukan perhatian dan terus menghayati khutbah yang bertajuk: “<b>HIKMAH DI SEBALIK KORBAN</b>”.</p>	8
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Setiap kali Allah menurunkan syariat-Nya, ada hikmah yang tersembunyi dibaliknya. Hikmah tersebut adalah untuk maslahat kebaikan manusia itu sendiri, ia disebut sebagai hikmah al-tasyri’ (حكمة التشريع). Begitu juga Allah telah mensyariatkan korban ke atas umat Islam, Syariat korban berlaku semenjak zaman nabi Adam as lagi, iaitu dalam peristiwa Qabil dan Habil, di mana kambing yang dikorbankan oleh Habil sahaja yang telah diterima oleh Allah kerana dilakukan dengan sepenuh keikhlasan memohon keredhaan Allah SWT. Sedangkan korban Qabil yang terdiri daripada gandum yang tidak berkualiti ditolak oleh Allah kerana dilakukan dengan cara yang tidak ikhlas.</p>	9
<p>Maka kerana itu Allah mensyariatkan korban dengan tujuan beberapa hikmah yang sangat besar, antaranya ialah;</p> <p>Yang pertama, untuk melahirkan sikap memperhambakan diri kepada Allah.</p>	10

<p>Amalan ibadah korban adalah jelas untuk melahirkan sikap memperhambakan diri kepada Allah SWT, itulah hikmah yang paling utama pada setiap pengorbanan yang dilakukan. Korban yang dilakukan bukan kerana mencari keredhaan Allah tidak akan diterima sebagai ibadah. Selain daripada itu binatang yang hendak dikorbankan itu mestilah disyaratkan binatang yang cukup umur, sihat, tidak cacat dan juga tidak terlalu kurus.</p>	
<p>Hikmah yang kedua adalah menyembelih binatang korban itu sebagai tanda bersyukur atas nikmat Allah.</p> <p>Daging-daging korban adalah lambang kesyukuran di atas nikmat Allah SWT yang tidak terhitung banyaknya. Pernahkah kita mengira berapa harga setiap anggota yang Allah berikan kepada kita secara percuma? Siapakah yang boleh meletakkan nilai harga sepasang mata kita, berapa harga sepasang telinga, berapa harga sepasang tangan, berapa harga sepasang kaki? berapa harga sebiji kepala? berapa pula harga segumpal hati, jantung, paru dan sebagainya? Sesungguhnya kita adalah sekaya-kaya makhluk Allah di dunia ini jika dikira pada batang tubuh kita yang ada. Dan bayangkan jika sekiranya kita berkorban dengan menyembelih saekor lembu pula, yang mana setiap helai bulunya dikira satu kebajikan. Berapa helai bulu pula pada seekor lembu, maka begitulah banyaknya kebajikan orang yang melaksanakan ibadah korban.</p>	11
<p>Sepertimana telah dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Zaid Bin Arqam R.Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٍ</b></p> <p style="text-align: center;"><i>“Pada setiap helai bulu binatang korban itu diberi ganjaraan satu kebajikan”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	12
<p>Mengapa kita tidak menjadi hamba yang bersyukur atas pemberian percuma oleh Allah SWT ini? Padankah kita, munasabahkah kita dengan hanya mengorbankan seekor lembu, yang harganya paling tinggi RM800 sahaja bagi satu bahagian, sudah cukupkah membuktikan kesyukuran kita kepada Allah? Jika kita tidak meletakkan setinggi-tinggi keikhlasan mungkinkah kita dapat mengecapi keredhaan Allah?. Inilah besarnya rahmat Allah kepada kita.</p>	13
<p>Allah mengingatkan kita dalam surah al-Mukminun, ayat 78:</p> <p style="text-align: center;"> <b>وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ لَكُمْ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ</b></p>	14
<p><i>“Dan Dia lah jua yang mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur; tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur”.</i></p>	15
<p>Hikmah yang ketiga ialah untuk mendapatkan berbagai-bagai faedah dan manfaat dari segi rohani, akhlak dan sosial.</p> <p>Cuba kita perhatikan ke dalam diri kita, betapa bahagiannya hidup kita, masing-masing ada keluarga yang membahagiakan, ada rumah yang menyenangkan, ada kenderaan yang selesa. Ada harta atau ada kerja tempat mencari pendapatan.</p>	16

<p>Bersyukurlah! Dan buktikan tanda syukur itu dengan melakukan ibadah menyembelih binatang korban, dan berbuat baiklah kerana antara kita ada yang sakit, terbaring di wad hospital, terlantar di rumah, ada yang tidak cukup sara hidup, ada yang terhutang, ada yang tergadai dan berbagai-bagai keadaan, maka bagi yang sakit bersabarlah!. Berikhtiar dan bertawakkallah, kerana itu juga merupakan satu pengorbanan.</p>	
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Marilah kita sama-sama bergotong royong, bertolong bantu merebahkan binatang sembelihan, ikhlaskanlah hati masing-masing dengan niat sama-sama melakukan ibadah korban, jangan ada antara kita ingin mengambil kesempatan, pemilik korban hendaklah berniat ikhlas beribadat memohon keredhaan Allah, penyembelih juga hendaklah berniat ikhlas untuk menyempurnakan sembelihan sebagai ibadat kerana Allah, yang melapah, memotong, menimbang dan mengagih, hendaklah juga berniat ikhlas kerana Allah semata-mata.</p>	17
<p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p> <p><b>Hikmah yang keempat dan terakhir ialah:</b></p> <p>Setiap ujian perlu kepada kesabaran, mereka yang berjaya mempertahankan imannya akan diberi ganjaran besar dan mereka diangkat sebagai orang yang muhsinin. iaitu yang baik-baik.</p> <p>Berkorban di jalan Allah memerlukan kesabaran yang tinggi, kerana sepanjang sejarah manusia, syaitan sentiasa mengganggu manusia dalam melaksanakan ketaatan kepada Allah. Manusia sentiasa diuji oleh Allah untuk menentukan darjat taqwa di sisi Allah. semua para nabi diuji oleh Allah, apa lagi kita manusia biasa.</p>	18
<p>Firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 82-83:</p> <p style="text-align: center;">  </p>	19
<p><i>“Iblis berkata: “Demi kekuasaanmu (Wahai Tuhanku), Aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba-Mu di antara zuriat-zuriat Adam itu yang dibersihkan dari sebarang kederhakaan dan penyelewengan”.</i></p>	20
<p>Demikianlah hikmah korban supaya kita saling tolong menolong hidup bermasyarakat serta bersefahaman sesama Islam atas dasar kalimah yang suci dan agung yang Allah wajibkan kepada setiap umat Islam untuk mengucapkannya selama 4 hari supaya benar-benar dapat meresap masuk ke dalam hati dan dapat dihayati dalam kehidupan kita sehari-hari.</p>	21
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah Jumaat kali ini, khatib mengajak hadirin dan muslimin yang dirahmati Allah sekalian supaya menghayati beberapa pengajaran berikut:</p> <p>1. Umat Islam hendaklah menunaikan perintah Allah SWT dengan penuh keikhlasan walaupun bertentangan dengan kehendak hawa nafsu.</p>	22

<p>2. Umat Islam hendaklah sanggup mengorbankan harta, masa dan tenaganya untuk menyahut seruan Allah.</p>	
<p>3. Umat Islam hendaklah menjauhi kepentingan diri sendiri dalam melaksanakan penyembelihan korban seperti mengambil upah dengan menentukan bahagian-bahagian tertentu dari binatang korban seperti kepala, ekor, kulit dan lain-lain..</p> <p>4. Umat Islam hendaklah sentiasa berazam untuk menyertai Ibadah korban setiap tahun.</p>	<p>23</p>
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ فَلَا يُنْزِعُكَ فِي الْأَمْرِ وَأَدْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّكَ لَعَلَىٰ هُدًى مُّسْتَقِيمٍ</p>	<p>24</p>
<p>“Bagi tiap-tiap umat, Kami adakan satu syariat yang tertentu untuk mereka ikuti dan jalankan, maka janganlah ahli-ahli syariat yang lain membantahmu dalam urusan syariaatmu; dan serulah (Wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau adalah berada di atas jalan yang lurus”.</p> <p style="text-align: right;">(al-Haj : 67).</p>	<p>25</p>
<p>بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُمْ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	<p>26</p>
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	<p>27</p>

## KHUTBAH KEDUA.28

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	29
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	30
<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b> Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>	31
<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>	32
<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>	33
<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	34
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	35
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	36
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	37
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ائِنْبَالِ سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	38

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَتِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفَيْنِ          وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	<p>39</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	<p>40</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan...</p>	<p>41</p>
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.          Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	<p>42</p>
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	<p>43</p>
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	<p>44</p>
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	<p>45</p>
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	<p>46</p>
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	<p>47</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي          الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	<p>48</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ          تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾</p>	<p>49</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ          وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>50</p>